

KRISIS AIR

Banyak projek tertangguh di Selangor

➔ Kerajaan negeri tak mampu sedia 467 liter air sehari

Oleh Syed Umar Ariff, Rohaniza Idris, Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan dan Siti Nur Mas Erah Amran
cnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 761 kelulusan projek pembangunan baharu di Selangor tertangguh setakat 31 Januari lalu, susulan krisis bekalan air di negeri itu yang semakin meruncing.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempa-

tan, Tan Sri Noh Omar, berkata penangguhan itu berlaku kerana Selangor tidak mampu menyediakan keperluan 467 juta liter air sehari bagi semua projek terbabit.

Daripada jumlah itu, katanya, 40 peratus atau 305 projek membatik pembangunan perumahan pangsapuri dan teres.

"Kementerian menerima rungutan dan rasa tidak puas hati daripada pemaju kerana perlu memohon lanjutan masa (EOT) bagi memajukan pembangunan projek yang dirancang disebabkan tiada bekalan air.

"Mengikut Akta 118, pemaju dibenar mengemukakan permohonan EOT bagi pelaksanaan sesuatu projek perumahan bagi mengelak dikenakan denda lewat serahan milikan kosong.

"Faktor permohonan EOT adalah kelewatan kelulusan bekalan air oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Berhad (SYABAS) walau-

pun kebenaran merancang sudah diluluskan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Budiman Mohd Zohdi (BN-Sungai Besar) mengenai rungutan pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek kerana krisis air di Selangor.

MB dibidas nafi kenyataan

Dalam jawapannya, Noh turut membidas Ahli Parlimen Gombak yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana berkeras menafikan krisis air di negeri itu.

"Menteri Besar Selangor tak mahu terima kenyataan, malah tak tahu bezakan antara air empangan dengan air terawat.

"Saya nak tanya, dia gunakan air empangan atau air terawat. Kalau dia guna air empangan, saya akan arahkan bomba angkat air em-



la juga memberi kesan pada pelaburan di Selangor"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

pangan ke rumahnya," katanya sinis.

Menjawab soalan tambahan Budiman sama ada krisis air itu memberi kesan ekonomi pada Selangor, Noh berkata, ia turut menjejaskan pembangunan perbandaran, projek komersial, perindustrian dan pembangunan bercampur.

"Ia juga memberi kesan pada pelaburan di Selangor. Dahulu, Selangor negeri maju dan berada nombor satu bagi aspek pelaburan, tetapi sekarang jatuh nombor empat.

"Walaupun Sarawak ada 20 projek diluluskan berbanding 202 di Selangor, nilai pelaburan Sarawak adalah RM10.5 bilion, manakala Selangor hanya RM5.5 bilion.

"Ini bermakna pelabur takut nak datang ke Selangor kerana masalah bekalan air.

"Ini akan beri kesan pada peluang pekerjaan dan menyebabkan pengangguran," katanya.